

23/01/2003

Adnan, Exco sedia undur (HL)

Sariha Mohd Ali

KUANTAN: Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob dan semua lapan Exco Kerajaan Pahang, semalam menyatakan kesediaan menarik diri daripada menjadi calon pada pilihan raya umum akan datang bagi memberi laluan kepada muka baru.

Bagaimanapun, keputusan muktamad akan ditentukan pucuk pimpinan, sama ada menerima atau menolaknya.

Adnan berkata, perkara itu dibincangkan dalam mesyuarat mingguan Exco yang dipengeruskannya pagi semalam dan semua ahli Exco, termasuk dirinya menyatakan kesediaan mengundur diri menjadi calon pilihan raya.

Beliau berkata, tindakan itu bukan untuk memeningkan kepala Pengerusi Barisan Nasional merangkap Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebaliknya lebih memudahkan tugasnya kerana sebarang keputusan yang dikeluarkan kelak akan diterima dengan hati terbuka.

"Semua rakan Exco termasuk saya, sedia mengundur diri daripada bertanding pilihan raya untuk memberi laluan kepada muka baru.

"Kami menyerahkan kepada pucuk pimpinan parti membuat keputusan memilih calon dan menentukan sama ada menerima atau menolak kesediaan ini.

"Pengunduran kami mungkin boleh memberi peluang muka baru ditonjolkan dari kalangan Puteri, Pemuda atau Wanita Umno kerana mereka juga berbakat," katanya selepas melancarkan penubuhan Majlis Bekas Wakil Rakyat (Mubarak) Pahang, di sini semalam.

Adnan yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang adalah Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pelangai.

Lapan lagi ahli Exco yang setuju mengundur diri ialah Timbalan Menteri Besar, Datuk Tan Mohd Aminuddin Ishak (Chenor), Datuk Omar Othman (Jelai), Datuk Shahiruddin Ab Moin (Dong), Datuk Kan Tong Leong (Teruntum), Datuk Law Kee Long (Cameron Highlands), Datuk Maznah Mazlan (Muadzam Shah), Datuk Dr Ahmad Shukri Ismail (Pulau Tawar) dan Datuk Ahmad Munawar Abdul Jalil (Luit).

Adnan berkata, menjadi amalan di Pahang menonjolkan antara 14 hingga 15 muka baru daripada keseluruhan jumlah Adun di negeri ini untuk bertanding pada pilihan raya umum.

Katanya, pemilihan sebagai calon tidak semestinya bergantung kepada tempoh penggal perkhidmatan mereka, sebaliknya turut mengambil kira penerimaan rakyat.

"Berhubung wakil rakyat sedia ada, saya belum menemui mereka dan bertanyakan hal itu (kesediaan mengundur diri).

"Sebenarnya, bukan senang menyerahkan jawatan tetapi saya bangga semua Exco menyatakan kesediaan menerima keputusan parti, sama ada menggugur atau mengekalkan mereka," katanya.